

21 NOV 2000

LID-LESOTHO

TIDAK SALAH BAGI M'SIA UTK PERJUANG NASIB NEGARA-NEGARA AFRIKA

LANGKAWI, 21 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Lesotho Pakalitha Bethuel Mosisili hari ini menyatakan beliau tidak melihat sebarang masalah dalam inisiatif Malaysia untuk memperjuangkan kepentingan negara-negara Afrika menerusi semangat Perkongsian Bestari.

"Apa salahnya dengan usaha itu?" katanya apabila ditanya berhubung perkara tersebut selepas mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di acara sampingan Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 (LID 2000) di sini, hari ini.

Sesetengah laporan media Barat menyindir bahawa Malaysia seolah-olah ingin menjadi jaguh dalam memperjuangkan nasib negara-negara Afrika.

Mosisili menyatakan apa sahaja yang baik bagi Malaysia juga baik bagi Afrika kerana negara itu "mempunyai aktiviti pembangunan yang sama dengan kami."

"Pastinya (Malaysia) berada di kedudukan lebih baik untuk bekerjasama dengan kami dan menunjukkan jalan kepada kami serta menggalakkan kami bersuara," katanya sebagai merujuk kepada "pembangunan cemerlang Malaysia."

Dalam pertemuannya dengan Dr Mahathir, Mosisili berkata mereka bertukar pandangan mengenai beberapa isu dan bagaimana peserta-peserta boleh menggerakkan perkongsian bestari serta bagaimana ia boleh lebih tertumpu dan berorientasikan keputusan.

Kedua-dua pemimpin berbincang bagaimana Malaysia dan Lesotho boleh bekerjasama bagi mendapat faedah bersama.

Mosisili berkata beliau juga menggesa Dr Mahathir menggalakkan pelabur-pelabur Malaysia menimbangkan Lesotho sebagai satu daripada destinasi pelaburan mereka.

Sebahagian daripada bahagian yang mungkin menarik minat mereka adalah teknologi maklumat dan komunikasi, pendidikan dan pembangunan prasarana, tambahnya.

Syarikat-syarikat Malaysia juga boleh membantu mengeluarkan kad pengenalan negara bagi penduduk Lesotho ,katanya.

Mosisili berkata beliau kagum dengan projek Kad Pelbagai Guna Am Malaysia yang dipamerkan di LID 2000 di mana ia memberi ransangan kepadanya untuk memperkenalkan sistem kad pengenalan negara di Lesotho.

Mosisili berkata, "Malahan satu delegasi dari Malaysia akan datang ke Lesotho pada awal tahun depan."

Malaysia dan Lesotho juga sedang berunding satu perjanjian yang akan membentuk asas bagi pelbagai jenis kerjasama, tambahnya. -- BERNAMA

MK NH YBY ZK